

Sabah diminta susun strategi majukan pertanian

UM 29 OCT 2001

KENINGAU 28 Okt. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa kerajaan Sabah menyusun segera strategi yang konkrit bagi membangunkan sektor pertanian bagi menjadikan Sabah sebagai pengeluar utama makanan negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, langkah itu wajar kerana Sabah mempunyai tanah subur yang luas dengan bidang utama pekerjaan penduduknya sebagai petani.

“Dalam lawatan ke Taman Pertanian Tenom hari ini, saya dapati pelbagai himpunan produk pertanian dan herba contoh yang sungguh istimewa terdapat di situ. Saya juga melawat Taman Pertanian Tenom selepas disyorkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa kawasan

taman itu sebaeai yang paling cantik dan menarik di dunia,” jelasnya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat sebagai mengakhiri lawatan kerja dua hari meninjau pembangunan kawasan pedalaman daerah Keningau, Tenom dan Sook di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sook, dekat sini hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Dr. Lajim Ukin, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman Abdullah, Menteri Kewangan Sabah, Datuk Musa Aman merangkap Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah serta Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Sabah, Tan Sri Joseph Ku-

rup. Abdullah menambah, dalam tinjauannya ke pasar tamu di Keningau selepas merasmikan pasar itu semalam, beliau dapati pelbagai jenis sayur-sayuran, herba dan produk kraf tangan yang amat berpotensi untuk dipasarkan secara meluas termasuk ke Sempnanjung.

“Saya harap Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dapat menghantar para pegawainya membuat kajian bagi membantu meluaskan pasaran hasil pertanian penduduk luar bandar itu,” katanya.

Abdullah juga berkata, dalam tinjauan dari helikopter juga mendapati kawasan pedalaman Sabah mempunyai banyak kawasan kebun getah tua yang patut ditanam semula.

“Tanaman semula itu

perlu menggunakan baka yang lebih baik bagi menghasilkan susu dan pokoknya pula apabila berusia 15 tahun boleh dijadikan balak sebagai bahan perabot yang bermutu tinggi.

“Saya harap tanaman semula pokok getah dan buluh patut diusahakan secara meluas pada masa sekarang kerana perabot daripada buluh juga boleh mendapat pasaran luas di luar negara terutama sekali Jepun,” katanya.

Abdullah juga menggesa agar rakyat terus memberi sokongan yang padu kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) bagi menjamin pembangunan berterusan dapat dilaksanakan secara meluas termasuk kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.